

**Iktiraf OSH Sebagai Kunci Pengurusan Perniagaan - NIOSH
Bernama
26 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Majikan harus mengiktiraf keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) tenaga kerja sebagai bahagian pelengkap dalam pengurusan perniagaan mereka.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) Tan Sri Lee Lam Thye berkata OSH dan isu lain membabitkan bahagian paling bawah dalam organisasi itu harus dilihat secara setara.

Tenaga kerja lazimnya dianggap sebagai aset paling penting dalam sesebuah organisasi, justeru wajar dilindungi daripada segi kesihatan dan keselamatannya bagi memastikan mereka terus produktif, katanya dalam kenyataan, di sini.

Lee juga merujuk kepada kadar kemalangan di tempat kerja di negara ini yang menurun daripada 10.3 kes bagi setiap 1,000 pekerja kepada 5.72 tahun lepas.

"Kita perlu menetapkan penanda aras yang setara dengan negara maju yang hanya mencatatkan tiga hingga empat kes bagi 1,000 pekerja," katanya.

Beliau turut menekankan Pelan Induk OSH 2010-2015 harus diberi tumpuan sepenuhnya oleh pihak berkenaan bagi mengurangkan lagi kadar kemalangan di tempat kerja.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=636487>